

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Penggunaan Penetapan Baharu Dasar Perubahan Kurikulum

[Pekeliling MQA Bil. 7/2025 bertarikh 21 April 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Penetapan baharu dasar perubahan kurikulum telah dikeluarkan oleh MQA dan penggunaan telah berkuat kuasa pada 21 April 2025.
- ii. Seiring dengan perkembangan pendidikan tinggi dan keperluan industri, kecekapan dalam menguruskan perubahan kurikulum diperlukan bagi membolehkan sebarang perkembangan ilmu semasa selari dengan keperluan industri dan kebolehpasaran graduan agar dapat diaplikasikan dalam kurikulum yang dibangunkan.
- iii. MQA telah mengambil inisiatif untuk menambah baik syarat keperluan perubahan kurikulum yang dilaksanakan oleh PPT seperti berikut:
 - a) Perubahan kurikulum mesti dibuat melalui proses yang teratur serta telah melalui penilaian sekurang-kurangnya seorang penilai luar dalam bidang yang bersesuaian dan diluluskan oleh Senat/Lembaga Akademik;
 - b) Setiap perubahan kurikulum hendaklah mengambil kira keperluan yang terdapat di dalam standard program tertentu sekiranya berkaitan;
 - c) Setiap perubahan yang dibuat perlu mencerminkan penamaan dan *Body of Knowledge* (BoK) program dan PPT perlu menyatakan justifikasi berkaitan perubahan kurikulum;
 - d) Tiada keperluan untuk menghantar perubahan kurikulum ke MQA. Sebarang perubahan yang melibatkan program oleh PPT hendaklah direkodkan untuk proses audit pematuhan yang akan dilaksanakan oleh MQA kelak;
 - e) PPT diminta memberi perhatian sewajarnya untuk memastikan pematuhan terhadap aspek jaminan kualiti yang telah ditetapkan serta mematuhi ketetapan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF);
 - f) MQA berhak membuat teguran kualiti sekiranya perubahan dilaksanakan tidak teratur dan tidak berasas semasa proses penilaian MQA. Hal ini termasuklah membuat penolakan atau pembatalan akreditasi sekiranya terdapat ketidakpatuhan yang serius terhadap kualiti program;

- g) PPT boleh membuat pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan semakan kurikulum daripada MQA tertakluk kepada penjadualan dan caj yang ditetapkan oleh MQA; dan
 - h) Perubahan yang melibatkan pindaan kepada surat kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) seperti kredit bergraduat, tempoh pengajian dan penambahan kaedah pengajian (contoh: sepenuh masa/separuh masa) masih perlu dikemukakan kepada MQA untuk penilaian dan kelulusan.
- iv. Surat penetapan baharu dasar kurikulum boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. Pihak Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADe-Lead), Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (BAKD) dimohon untuk menyelaras perubahan yang terlibat dalam pembangunan kurikulum program yang ditawarkan di UPM.
- vi. Pemilik program perlu memastikan kesemua program yang ditawarkan bersedia dengan perubahan kurikulum terkini yang berlaku.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Universiti Putra Malaysia
4 Jun 2025